

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(V)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PENKALAN KOTA
YB. GOOI ZI SEN**

16. Bantuan untuk golongan kurang upaya (OKU).
- (a) Sila senaraikan inisiatif Kerajaan Negeri di dalam membantu golongan kelainan upaya (OKU).
 - (b) Apakah dasar Kerajaan Negeri khususnya di dalam membantu membina kerjaya golongan kurang upaya?
 - (c) Sila senaraikan jumlah golongan kurang upaya (OKU) yang kini berkhidmat sebagai penjawat awam dan senaraikan mengikut jabatan.

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

16. (a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap kesukaran yang dihadapi golongan orang kurang upaya (OKU) terutama dalam isu-isu penglibatan komuniti dan peluang pekerjaan. Keprihatinan ini dibuktikan apabila "*Uplift vulnerable communities and reduce inequalities*" menjadi salah satu inisiatif strategik Kerajaan Negeri dalam visi Penang 2030. Berpandukan pada matlamat visi tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif untuk membantu golongan OKU iaitu:-
- (i) Menyediakan khidmat kaunseling kepada golongan OKU untuk membantu mereka memahami diri dan kekal melibatkan diri dalam kelompok orang upaya. Kaunseling tersebut akan disampaikan oleh kaunselor bertauliah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);

- (ii) Memberi bantuan kewangan secara bulanan kepada golongan OKU yang layak. Bantuan yang disalurkan melalui JKM ini merangkumi Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja, Elaun Pekerja Cacat, dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar;
- (iii) Bantuan OKU di bawah Program Kebajikan iSejahtera yang diberikan kepada mana-mana OKU yang berdaftar dengan JKM Pulau Pinang. Bantuan ini memperuntukkan bayaran sebanyak RM130 setiap tahun kepada setiap OKU yang layak;
- (iv) Menggalakkan inisiatif-inisiatif jabatan/agensi yang memudahkan golongan OKU untuk berurusan dengan kerajaan seperti kemudahan tandas dan parkir khas OKU, laluan khas untuk OKU, dan portal laman web mesra OKU;
- (v) Mensyaratkan penyediaan kemudahan OKU dalam setiap permohonan Kebenaran Merancang dan permohonan Kelulusan Pelan Bangunan;
- (vi) Meningkatkan keprihatinan dan rasa tanggungjawab masyarakat setempat terhadap nasib dan kebajikan golongan OKU melalui Program Pemulihan Dalam Komuniti yang dianjurkan JKM;
- (vii) Menggalakkan libat sama komuniti dan sukarelawan dalam menjaga kebajikan OKU seperti kerjasama antara JKM dengan sukarelawan dalam Program *Help Home*, iaitu penjagaan OKU yang hidup di rumah dalam keadaan daif; dan
- (viii) Bekerjasama dengan badan bukan kerajaan (NGO) untuk memberikan perkhidmatan tertentu kepada OKU seperti kerjasama antara JKM dengan Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang untuk perkhidmatan jurubahasa bagi OKU pekak bisu.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penglibatan OKU dalam komuniti agar golongan ini tidak terasing dan terabai daripada masyarakat. Hal ini termasuklah galakan bekerja bagi golongan OKU untuk berdikari dan menyara hidup. Antara dasar dan pendekatan yang diambil Kerajaan Negeri dalam membantu membina kerjaya golongan OKU adalah seperti berikut:-
- (i) Sentiasa menggalakkan pengambilan golongan OKU untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam selagi calon OKU tersebut memenuhi semua kelayakan-kelayakan bagi sesuatu perjawatan tersebut. Galakan ini selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16/2010 iaitu Pencapaian Dasar Satu Peratus Peluang Pekerjaan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya;
 - (ii) Golongan OKU diberi peluang membina kerjaya mereka melalui program-program yang dirangka oleh JKM Pulau Pinang seperti Program Perkhidmatan *Job Coach*. Melalui program ini, JKM akan memadankan golongan OKU yang berupaya untuk bekerja kepada majikan yang sesuai;
 - (iii) Penganjuran Karnival Kerjaya OKU iaitu satu karnival yang bertujuan sebagai satu platform hebahan kepada OKU mengenai perkhidmatan dan peluang pekerjaan yang ditawarkan bakal majikan yang turut serta dalam karnival tersebut; dan
 - (iv) Menyediakan Elaun Pekerja Cacat kepada mana-mana OKU yang bekerja sebagai insentif galakan untuk golongan OKU kekal bekerja dan bekerjaya. Bantuan berjumlah RM400 seorang setiap bulan ini diberikan kepada semua OKU yang berkerja.
- (c) Terdapat seramai 83 orang OKU yang sedang berkhidmat sebagai penjawat awam di negeri Pulau Pinang seperti perincian di **Lampiran A**.

Lampiran A

Senarai Jumlah Orang Kurang Upaya (OKU) yang sedang Berkhidmat Dalam Perkhidmatan Awam di Jabatan/Agensi Negeri Pulau Pinang

BIL.	JABATAN	JUMLAH OKU
	AGENSI NEGERI	
1	PEJABAT SUK PULAU PINANG	5
2	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, DBD	1
3	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SPU	2
4	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SPT	2
5	PEJABAT DAERAH DAN TANAH, SPS	2
6	JABATAN KERJA RAYA	1
7	JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT	4
8	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR	2
9	JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM	1
10	JABATAN TAMAN BOTANI	2
	JUMLAH	22
	BADAN BERKANUN NEGERI	
11	PERBADANAN PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG	2
12	PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM PULAU PINANG	2
13	LEMBAGA MUZIUM NEGERI PULAU PINANG	1
	JUMLAH	5

BIL.	JABATAN	JUMLAH OKU
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
14	MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG	19
15	MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI	37
JUMLAH		56
JUMLAH KESELURUHAN JAB.NEGERI / BBN/ PBT		83